

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Sila baca Lembaran Maklumat Program ("LMP") ini bersama dengan terma dan syarat umum sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran Produk ini.

Sila dapatkan penjelasan daripada Agrobank ("Bank") jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat umum.



Sentiasa di sisi Anda

Tarikh: _____

1. Apakah Safia-i?

- Safia-i adalah pembiayaan tunai jangka pendek untuk pemegang akaun Deposit Berjangka-i. Kemudahan pembiayaan ini membolehkan pelanggan mendapatkan aliran tunai bagi memenuhi keperluan kewangan tanpa perlu mencairkan akaun Deposit Berjangka-i mereka sebelum tempoh matang. Pembiayaan ini dikira berdasarkan kadar terapung.
- Pembiayaan kadar terapung merujuk kepada jenis pembiayaan di mana kadar keuntungan efektif boleh berubah sepanjang tempoh pembiayaan, bergantung kepada Kadar Rujukan (*Reference Rate*) [*Kadar Asas Standard (KAS)]. Perubahan ini memberi kesan kepada pengiraan keuntungan pembiayaan, dan sebarang pelarasaran kepada keuntungan yang perlu dibayar boleh menyebabkan perubahan kepada jumlah ansuran bulanan anda.
- Konsep Syariah yang digunakan adalah *Tawarruq*. Konsep *Tawarruq* melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urus niaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan secara langsung.

2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Adalah tanggungjawab anda untuk:

Bagi pembiayaan Safia-i ini, sebagai ilustrasi:

- Jumlah pembiayaan anda: **RM5,000.00**
- Ansuran bulanan anda: **RM1,280.00**
- Tempoh pembiayaan anda: **12 bulan**
- Kadar keuntungan: **Kadar Asas Standard (KAS)* + 1.45%**
- Kadar keuntungan efektif: **4.45% setahun**.

Secara keseluruhan anda akan membayar **RM5,121.32** pada akhir tempoh 12 bulan.



Baca dan fahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum menandatanganinya.



Bayar ansuran bulanan anda tepat pada masa dan sepenuhnya berdasarkan **tempoh pembiayaan**. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal.



Pastikan anda mampu **membayar ansuran yang lebih tinggi** jika Kadar Dasar Semalam (Overnight Policy Rate - OPR) meningkat.



Hubungi kami segera sekiranya anda tidak dapat membuat pembayaran ansuran bulanan.

Anda perlu membayar fi dan caj berikut:

- Duti Setem: Seperti yang termaktub di bawah Akta Setem 1949 (Disemak 1989).
- Fi Broker: Berdasarkan kepada nilai kemudahan pembiayaan atau apa-apa jumlah fi broker yang ditetapkan oleh platform dagangan komoditi (tertakluk kepada cukai perkhidmatan (sekiranya ada) atau apa-apa cukai yang ditetapkan oleh Menteri yang berkenaan).

Sekiranya berlaku kemungkinan, anda perlu tahu:

- Deposit Berjangka-i yang dicagarkan akan dicairkan bagi menyelesaikan baki pembiayaan.

3. Ketahui Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Bayaran keseluruhan yang perlu anda bayar menjadi lebih banyak disebabkan **ganti rugi (Ta'widh)** seperti mana berikut:
 - Sebelum Tarikh Matang:** Sehingga 1% setahun ke atas jumlah pembayaran tertunggak berdasarkan jumlah kerugian sebenar.
 - Selepas Tarikh Matang dan Penghakiman:** Mengikut kadar *Islamic Interbank Money Market* (IIMM) ke atas keseluruhan jumlah baki tertunggak atau melalui kaedah lain yang diluluskan Bank Negara Malaysia (BNM).
- Bank **berhak** mengambil **tindakan undang-undang** terhadap anda.
- Skor kredit** anda mungkin terjejas yang akan menyebabkan pembiayaan lain pada masa hadapan menjadi sukar atau mahal untuk anda.

Ansuran bulanan anda mungkin meningkat sepanjang tempoh pembiayaan

KAS mungkin meningkat disebabkan kenaikan OPR yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kenaikan KAS bermakna anda perlu membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi. Sebagai ilustrasi:

	Kadar Semasa	Jika Kadar Naik 1%	Jika Kadar Naik 2%
Ansuran Bulanan			
Jumlah Kos Keuntungan			
Jumlah Bayaran			

*KAS ditetapkan sama seperti OPR yang ditentukan oleh BNM. KAS boleh naik atau turun disebabkan perubahan OPR.

4. Terma Penting Lain

1. Rebат (Ibra') akan diberikan kepada Pelanggan berdasarkan formula semasa yang **tertera di bawah**, sekiranya berlaku salah satu keadaan berikut:
 - i. Pelanggan membuat penjelasan awal, penebusan awal atau membuat bayaran awal sebelum tarikh matang pembiayaan;
 - ii. Pelanggan membuat penjelasan pembiayaan asal disebabkan pelaksanaan penstrukturkan pembiayaan;
 - iii. Penjelasan oleh Pelanggan dalam kes kemungkiran yang mana walaupun Pelanggan mungkir, Pelanggan kemudiannya membuat bayaran keseluruhan keter hutangan di bawah pembiayaan sebelum tarikh matang;
 - iv. Penjelasan oleh Pelanggan disebabkan penamatkan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.

Formula untuk pengiraan Ibra' adalah seperti berikut:
Ibra' pada masa penyelesaian = Keuntungan tertangguh
2. Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
3. Pelanggan digalakkan untuk mengambil Skim Perlindungan Takaful Kredit bagi melindungi jumlah keber hutangan di bawah pembiayaan yang diberikan. Walau bagaimanapun, Pelanggan adalah dibenarkan untuk memilih penyedia Takaful bukan panel yang diluluskan oleh Bank. Pelan perlindungan Takaful diperlukan untuk melindungi baki pembiayaan semasa Pelanggan sepanjang tempoh pembiayaan dan/atau terma perlindungan jika berlaku sesuatu yang tidak diingini.
4. Pelanggan dikehendaki membuat pembayaran berdasarkan kepada Margin Pembiayaan.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan lanjut mengenai pembiayaan Safia-i, anda boleh:



Hubungi Pusat Panggilan Agrobank
di 1-300-88-2476



Layari
[https://www.agrobank.com.my/
/product/special-advance-for-islamic-
account-i-safia-i/](https://www.agrobank.com.my/product/special-advance-for-islamic-account-i-safia-i/)



E-mel
customer@agrobank.com.my

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar tentang maklumat yang anda tandatangani.

Saya mengakui bahawa Agrobank telah memberikan saya salinan LMP.

Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam LMP ini.

*Pengakuan pelanggan terhadap LMP ini tidak akan menjelaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya terdapat pertikaian kemudiannya mengenai terma dan syarat produk.

Nama:
Tarikh: